

## BAB 6

### Bahagian Penganjuran MARA

Matlamat MARA mewujudkan Bahagian Penganjuran ialah untuk menambah gunatenaga Bumiputera yang terlatih dalam berbagai bidang ikhtisas dan separa ikhtisas yang akhirnya akan lahir satu kumpulan pengurus Bumiputera yang cekap dan berkebolehan dalam bidang perniagaan dan perusahaan. Di bawah program ini, penuntut-penuntut diberi biasiswa atau pinjaman pelajaran untuk mengikuti program-program pra-universiti hingga ke peringkat ijazah lanjutan. Biasiswa biasanya diberikan kepada pelajar-pelajar yang mengikuti kursus dalam bidang sains dan teknologi serta kursus-kursus profesional tertentu dan mereka dikehendaki menyumbangkan 25% daripada jumlah perbelanjaan yang dikeluarkan kepada Tabung Pelajaran MARA.<sup>1</sup> Mereka juga dikehendaki mengikut kontrak jika ditawarkan kerja oleh MARA, jabatan kerajaan atau agensi kerajaan setelah tamat pengajian mereka. Pinjaman pelajaran pula diberikan kepada mereka yang mengikuti bidang pengajian sastera dan kemanusiaan. Mereka yang mendapat pinjaman pendidikan dikehendaki membayar balik sepenuhnya perbelanjaan tanpa feadah setelah menamatkan kursus dan tidak mempunyai sebarang ikatan dengan MARA.

<sup>1</sup> *Pernyata Tahunan MARA 1970*, hlm. 11.

Wujudnya Bahagian Penganjuran ini menunjukkan MARA memainkan peranan dan sumbangan yang penting dalam sistem pendidikan negara. Tujuan MARA ialah menjalankan usaha untuk memberi pendidikan dan latihan anak-anak Bumiputera dari peringkat latihan kemahiran hingga ke peringkat universiti.

Foto 7: Graduan MARA



### Struktur Pentadbiran

Rajah 9 menunjukkan pentadbiran Bahagian Penganjuran MARA. Dalam rajah 9, Bahagian Penganjuran MARA diketuai oleh seorang Pengarah (A09) dan dibantu oleh seorang Timbalan Pengarah (A11). Ketua Pengarah dan Timbalan Pengarah disokong oleh unit-unit bawahannya iaitu unit urusan kemajuan kerjaya, unit biasiswa, unit pentadbiran, unit penempatan/kutipan, unit latihan/pengurusan dan unit kebijakan penuntut MARA seberang laut. Semua unit ini diketuai oleh pegawai masing-masing dalam kategori A22 hingga A12. Terdapat dua pejabat MARA untuk membantu

penuntut MARA di seberang laut iaitu di London dan Washington. Kumpulan sokongan bahagian ini terdiri dari pagawai dalam kategori B dan C. Tanggungjawab kumpulan sokongan ini adalah lebih bercorak kerja-kerja perkeranian. Kesemua kakitangan bahagian ini bertanggungjawab untuk membantu anak-anak Bumiputera dalam melanjutkan pelajaran samada di dalam dan di luar negara. Keberkesanan bahagian ini boleh dilihat melalui kajian terhadap peranan dan sumbangannya terhadap masyarakat Bumiputera sejak bahagian ini ditubuhkan pada tahun 1966.

### **Perkembangan Bahagian Penganjuran MARA 1966-1990**

Untuk melihat perkembangan Bahagian ini, tumpuan hanya diberikan kepada perkembangan pemberian biasiswa dan latihan kepada anak-anak Bumiputera dalam bidang iktisas dan pendidikan di pusat pengajian tinggi. Ini kerana MARA berpendapat, melalui pendidikan tinggi sahaja, masyarakat Bumiputera boleh maju dan berkembang seiring dengan pembangunan negara.


Pada tahun 1967, dasar MARA<sup>2</sup> mengenai pemberian biasiswa ialah memberi keutamaan kepada pelajar sains dan teknologi. Di samping kemudahan biasiswa, pelajar sains dan teknologi juga layak menerima elauan buku. Keistimewaan yang diberikan kepada pelajar sains dan teknologi ini supaya pelajar-pelajar Bumiputera tertarik dengan subjek sains dan teknologi. Dengan cara ini pelajar-pelajar Bumiputera secara tidak langsung terlibat dengan mata pelajaran yang anak-anak Bumiputera sangat berkurangan.

---

<sup>2</sup> *Penyata Tahunan MARA 1967*, hlm. 3.

Rajah 9

## **Struktur Pentadbiran Bahagian Penganjuran MARA**



Sumber: Unit Perhubungan Korporat MARA

Bagaimanapun, MARA juga memberi bantuan kepada penuntut yang mengambil mata pelajaran lain melalui tabung basiswa pinjaman. Bantuan pinjaman ini diberikan kepada penuntut Bumiputera bagi melanjutkan kursus separuh masa atau sambilan di peringkat lepas ijazah, sarjana muda, profesional dan separa profesional di kolej atau universiti di dalam dan di luar negara. Pinjaman ini tidak dikenakan apa-apa feadah dan penuntut hendaklah membayar balik wang pinjaman selepas mereka menamatkan pelajaran tinggi mereka.<sup>3</sup> Pada tahun 1966, 118 basiswa telah dikeluarkan dalam pelbagai bidang kepada pelajar. Jumlah basiswa ini bertambah kepada 322 pada tahun 1967.<sup>4</sup> Pertambahan ini disebabkan oleh peningkatan permohonan daripada Bumiputera yang berkelayakan. Jadual 50 menunjukkan pemberian basiswa mengikut tempat pengajian pada tahun 1967.

**Jadual 50**  
**Pemberian Biasiswa Mengikut Tempat Kursus Pada Tahun 1967**

| Bil | Tempat Pengajian                             | Pemberian |
|-----|----------------------------------------------|-----------|
| 1   | Kolej Pertanian Serdang                      | 44        |
| 2   | Kolej Teknik, Kuala Lumpur                   | 20        |
| 3   | Institut Teknologi MARA                      | 4         |
| 4   | Universiti Malaya                            | 137       |
| 5   | Australia                                    | 6         |
| 6   | India                                        | 3         |
| 7   | New Zealand                                  | 2         |
| 8   | Pakistan                                     | 1         |
| 9   | Singapura                                    | 4         |
| 10  | Taiwan                                       | 1         |
| 11  | United Kingdom                               | 86        |
| 12  | Amerika Syarikat                             | 13        |
| 13  | Sarawak ( <i>Higher School Certificate</i> ) | 1         |
|     | Jumlah                                       | 322       |

Sumber: Penyata Tahunan MARA 1967, hlm.10

<sup>3</sup> Dasar ini telah diluluskan oleh Majlis MARA pada November 1967. Lihat *Penyata Tahunan MARA 1967*, hlm. 4.

<sup>4</sup> *Penyata Tahunan MARA 1967*, hlm. 4.

Berdasarkan jadual 50, MARA lebih banyak menaja pelajarnya di institusi pengajian tinggi tempatan berbanding dengan institusi pengajian tinggi luar negara. Daripada 322<sup>5</sup> pemberian biasiswa, 206 untuk institusi pengajian tinggi tempatan dan 116 pelajarnya dihantar ke institusi pengajian tinggi luar negara. Negara luar yang paling banyak menerima pelajar tajaan MARA ialah United Kingdom iaitu seramai 86 pelajar dan keduanya Amerika Syarikat iaitu seramai 13 pelajar.

Pada tahun 1968, MARA telah membelanjakan sebanyak RM2,075,000.00 untuk biasiswa dan RM350,000,000.00 untuk biasiswa pinjaman.<sup>6</sup> Daripada jumlah perbelanjaan tersebut, MARA berjaya mengeluarkan sebanyak 391 biasiswa dan 165 biasiswa pinjaman pada tahun 1968.<sup>7</sup> Daripada 391 biasiswa yang dikeluarkan, 139 orang pelajar untuk Universiti Malaya, 39 pelajar di Maktab Teknik, Kuala Lumpur; 34 orang pelajar di Maktab Pertanian, Serdang dan bakinya dihantar ke universiti dan kolej luar negara seperti di United Kingdom, Amerika Syarikat, New Zealand, Republik Arab Bersatu dan India. Daripada 165 pelajar yang diberikan biasiswa pinjaman, seramai 2 pelajar dihantar ke Filipina, 40 pelajar ke United Kingdom, 4 pelajar ke Australia, 94 pelajar ke Universiti Malaya, 1 pelajar ke New Zealand, 3 pelajar ke Jerman Barat, 3 pelajar ke Singapura, 5 pelajar ke Amerika Syarikat, 3 pelajar ke India dan 3 pelajar ke Pakistan, 5 pelajar mengikuti latihan di Syarikat Azman & Wong dan 2 pelajar lagi

<sup>5</sup> Daripada 322 pelajar yang ditaja oleh MARA, seramai 80 pelajar mengikuti kursus Perdagangan, Ekonomi, Pengurusan dan Perakaunan, 61 pelajar mengikuti kursus Kemanusiaan dan Kemasyarakatan, 58 pelajar mengikuti kursus Jurutera, Arkitek dan Juru Ukur, 83 pelajar mengikuti kursus Sains, Teknologi dan Pertanian, 13 pelajar mengikuti kursus Perubatan, 26 pelajar mengikuti kursus Undang-Undang dan 1 pelajar mengambil peperiksaan *Higher School Certificate (H.S.C.)*. Lihat *Penyata Tahunan MARA 1967*, hlm. 10.

<sup>6</sup> *Penyata Tahunan MARA 1968*, hlm. 19.

<sup>7</sup> *Ibid*.

mengikuti latihan di Syarikat King & Khoo. Jadual 51 pula menunjukkan pecahan kursus yang diberi biasiswa dan pinjaman biasiswa pada tahun 1968.

Berdasarkan jadual 51, MARA telah melaksanakan dasarnya iaitu memberi biasiswa kepada mereka yang belajar dalam bidang sains dan teknologi. Namun demikian, mereka yang belajar dalam aliran sastera juga tidak diabaikan, misalnya seramai 28 pelajar diberi biasiswa dan 83 pelajar diberi biasiswa pinjaman. Bidang perundungan tidak diberi keutamaan oleh MARA kerana tiada biasiswa yang dikeluarkan untuk bidang ini. Namun begitu, biasiswa pinjaman diberikan kepada seramai 24 pelajar pada tahun 1968.

Pada tahun 1969, MARA membelanjakan sebanyak RM4,941,000.00 dalam program pendidikan. Daripada jumlah itu, sebanyak RM3,000,000.00 untuk bantuan biasiswa, RM1,515,000.00 untuk biasiswa pinjaman dan RM426,000.00 untuk latihan kemahiran. Pada tahun 1969 juga, sebanyak 186 biasiswa dan 569 pinjaman telah dikeluarkan untuk berbagai kursus di luar dan di dalam negeri.<sup>8</sup>

---

<sup>8</sup> *Penyata Tahunan MARA 1969*, hlm. 24.

Jadual 51  
Pemberian Mengikut Kursus Pada Tahun 1968

| Bil | Kursus                           | Biasiswa | Pinjaman |
|-----|----------------------------------|----------|----------|
| 1   | Ekonomi                          | 94       | 13       |
| 2   | Sastera                          | 28       | 83       |
| 3   | Sains                            | 52       | 2        |
| 4   | Pertanian                        | 40       | 2        |
| 5   | Kejuruteraan                     | 62       | 6        |
| 6   | Kemasyarakatan                   | 15       | -        |
| 7   | Kajian Perpustakaan              | 6        | -        |
| 8   | Perubatan                        | 21       | -        |
| 9   | Pengurusan Hotel                 | 3        | -        |
| 8   | Perakuanan                       | 6        | 2        |
| 9   | Perniagaan                       | 13       | 2        |
| 10  | Arkitek                          | 18       | 3        |
| 11  | Perancang Bandar dan Wilayah     | 6        | -        |
| 12  | Juru Ukur                        | 10       | 1        |
| 13  | <i>Handloom Technology</i>       | 1        | -        |
| 14  | <i>Audiology</i>                 | 1        | -        |
| 15  | <i>Journalism</i>                | 1        | -        |
| 16  | <i>Commerce</i>                  | 4        | -        |
| 17  | <i>Furniture Design</i>          | 1        | -        |
| 18  | <i>Teacher Dev. Program</i>      | 4        | -        |
| 19  | <i>Higher School Certificate</i> | 1        | -        |
| 20  | <i>Banking</i>                   | 2        | 1        |
| 21  | <i>CPA</i>                       | -        | 6        |
| 22  | <i>Law</i>                       | -        | 24       |
| 23  | <i>Food Technology</i>           | -        | 34       |
| 24  | <i>Psychology</i>                | -        | 1        |
| 25  | <i>Marketing</i>                 | -        | 1        |
| 26  | <i>Nursing</i>                   | -        | 1        |
| 27  | <i>Accountancy</i>               | -        | 1        |
| 28  | <i>Political Science</i>         | -        | 1        |
| 29  | <i>Textile Design</i>            | -        | 1        |

Sumber: Penyata Tahunan MARA 1968

Berdasarkan Penyata Tahunan MARA 1969, pelajar-pelajar yang menerima biasiswa telah ditempatkan di berbagai tempat pengajian, misalnya 31 pelajar telah dihantar ke United Kingdom, 28 pelajar ditempatkan di Amerika Syarikat, 29 pelajar di Maktab Teknik, 24 pelajar di Australia, 22 pelajar di Maktab Pertanian, Sedang, 19 pelajar di New Zealand dan 14 pelajar di Universiti Malaya. Selain itu MARA juga menaja biasiswa kepada pelajar di Indonesia (4 pelajar), India (3 pelajar), Pakistan (3 pelajar), Republik Arab Bersatu (1 pelajar), Jerman (1 pelajar) dan Sarawak ( 7 pelajar H.S.C.).

Pelajar yang menerima biasiswa pinjaman juga ditempatkan di berbagai pusat pengajian tinggi seperti di United Kingdom (80 pelajar), Amerika Syarikat (27 pelajar), Universiti Malaya (425 pelajar), Australia (10 pelajar), New Zealand (8 pelajar), Maktab Teknik, Kuala Lumpur (5 pelajar), Maktab Pertanian, Serdang (2 pelajar), Singapura (2 pelajar), Indonesia (1 pelajar) dan Austria (11 pelajar).<sup>9</sup>

Berbanding dengan tahun 1968, pada tahun 1969 MARA telah mengubah dasarnya daripada membanyakkan pemberian biasiswa kepada membanyakkan pemberian biasiswa pinjaman. Pada tahun 1968, MARA mengeluarkan 391 biasiswa dan 165 biasiswa pinjaman. Pada tahun 1969, MARA mengeluarkan 186 biasiswa dan 569 biasiswa pinjaman. Bagitu jua pada tahun 1970<sup>10</sup>, MARA mengeluarkan 718 pinjaman dan 25 biasiswa untuk pelajar Universiti Malaya. Perubahan ini disebabkan MARA ingin

---

<sup>9</sup> *Penyata Tahunan MARA 1969*, hlm. 27.

<sup>10</sup> Sebagai tambahan pada tahun 1970, MARA mengeluarkan 215 biasiswa dan biasiswa pinjaman kepada pelajar-pelajar lain yang mengikuti kursus sains dan teknologi. Termasuk dalam pemberian ini ialah pemberian kepada kursus baru iaitu kursus perkapalan, penyenggaraan kapal terbang dan kursus jururawat.

mewujudkan satu tabung pelajaran yang akan bertambah dari satu masa ke satu masa untuk membantu keperluan pelajar miskin yang semakin bertambah.<sup>11</sup>

Setelah dilancarkan DEB, salah satu daripada dayausaha MARA untuk memaju, menggalak serta memudahkan penyertaan Bumiputera di lapangan perniagaan, sains dan teknologi ialah melalui rancangan pendidikan dan latihan. Untuk menjayakan program ini. Dalam Rancangan Malaysia Kedua, MARA mendapat peruntukan keseluruhananya sebanyak RM42.2 juta. Kalau dibandingkan dengan peruntukan dalam Rancangan Malaysia Pertama, jelas kelihatan betapa prihatin kerajaan menolong masyarakat Bumiputera. Dalam Rancangan Malaysia Pertama, MARA hanya mendapat peruntukan sebanyak RM17.5 juta.

Pada tahun 1971 iaitu tahun permulaan pelancaran Dasar Ekonomi Baru, MARA membiayai seramai 1,613 pelajar Bumiputera dalam bidang pendidikan samada dalam bentuk biasiswa atau pinjaman.<sup>12</sup> Daripada jumlah 1,613 yang dibiayai oleh MARA, seramai 277 diberi biasiswa dan selebihnya menerima pinjaman MARA untuk meneruskan pengajian dalam pelbagai bidang.

Berdasarkan tempat pengajian pada tahun 1971, MARA telah memberi pinjaman kepada pelajar Universiti Malaya seramai 809 pelajar, 242 pelajar di Universiti Kebangsaan Malaysia, 109 pelajar di Universiti Sains Malaysia, 72 pelajar di United Kingdom, 23 pelajar di Maktab Teknik, Kuala Lumpur, 14 pelajar di Indonesia, 13

<sup>11</sup> *Penyata Tahunan MARA 1968*, hlm. 27.

<sup>12</sup> *Penyata Tahunan MARA 1971*, hlm. 4.

pelajar di Australia, 7 pelajar di Taylor College, Kuala Lumpur, 6 pelajar di Austria dan lain-lain tempat di bawah 5 pelajar. Manakala pelajar yang menerima biasiswa mengikut tempat pula ialah 30 orang pelajar di Universiti Malaya, 20 pelajar di Universiti Kebangsaan Malaysia, 84 pelajar di United Kingdom, 58 pelajar di Australia, 47 pelajar di Indonesia, 17 pelajar di Filipina, 10 pelajar di Amerika Syarikat dan lain-lain tempat di bawah 3 orang pelajar.

Berasaskan kepada jumlah pelajar yang diberi biasiswa pada tahun 1971, pelajar-pelajar yang belajar di luar negara lebih banyak bilangannya berbanding dengan pelajar yang belajar di dalam negeri. Ini adalah kerana dasar MARA memberi biasiswa kepada pelajar yang belajar dalam kursus profesional seperti kursus kejuruteraan, sains, pra-universiti dan juruterbang. Pelajar yang mendapat pinjaman kebanyakannya belajar di universiti tempatan terutama Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Sains Malaysia. Kebanyakan pelajar yang menerima pinjaman ialah dari kursus sastera, kursus ekonomi dan pentadbiran. Keadaan ini dapat dibuktikan apabila melihat tawaran biasiswa/pinjaman 1971 , mengikut pecahan kursus.

Kursus yang terbanyak diberi biasiswa oleh MARA pada tahun 1971 ialah kursus pra universiti (85 pelajar), kursus kejuruteraan (53 pelajar), kursus sains (64 pelajar) dan kursus juruterbang (19 pelajar). Manakala kursus terbanyak diberi pinjaman oleh MARA pada tahun 1971 ialah kursus sastera (887 pelajar) kursus ekonomi/pentadbiran/perdagangan (139 pelajar) dan kursus sains (97 pelajar).<sup>13</sup> Pemberian biasiswa dalam bidang profesional ini menunjukkan betapa giatnya usaha

<sup>13</sup> *Penyata Tahunan MARA 1971*, hlm. 9.

MARA untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru yang baru dilancarkan. Bagaimanapun, masalah utama yang dihadapi oleh MARA pada tahun 1971 ialah masalah kekurangan pelajar yang lulus dalam bidang sains. Justeru itu MARA tidak dapat menghantar jumlah besar pelajar Bumiputera dalam kursus-kursus profesional. Untuk mengatasi kekangan ini, satu perubahan besar telah dibuat oleh MARA. Sejak 1971, MARA telah menghantar pelajar-pelajar tajaanya ke kursus pra-universiti. Langkah ini diambil kerana ramai pelajar Bumiputera yang gagal dalam peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan (STP) dan *Higher School Certificate* (H.S.C.) aliran sains. Dalam peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan aliran sains pada tahun 1971, 23 daripada 120 calon MARA lulus dan diterima masuk ke universiti di luar negara.<sup>14</sup>

Program matrikulasi yang dianjurkan oleh MARA amat berjaya, misalnya pada tahun 1971, daripada 28 orang penuntut yang mengikuti kursus matrikulasi Australia, 26 orang telah berjaya dan memasuki universiti-universiti di Australia. Ini bermakna program matrikulasi telah berjaya menyelamatkan pelajar-pelajar Bumiputera daripada kegagalan pada peringkat peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan (STP)<sup>15</sup>

Pada tahun 1971 juga seramai 326 pelajar-pelajar tajaan MARA telah lulus dalam berbagai bidang pengajian samada di dalam dan di luar negara. Bayaran balik yang diterima oleh MARA pada tahun 1971 ialah RM338,695.75 daripada 306 penuntut

<sup>14</sup> *Penyata Tahunan MARA 1971*, hlm. 4.

<sup>15</sup> *Ibid*.

tajaanya iaitu 166 adalah bayaran penuh (RM303,167.41) dan baki 140 pelajar lagi hanya membayar 25% daripada biasiswanya.<sup>16</sup>

Pada tahun 1972, MARA terus memainkan peranan dalam membantu anak-anak Bumiputera mendapat pendidikan sempurna melalui pemberian biasiswa dan pinjaman pendidikan. Seramai 1,578 orang pelajar telah mendapat kemudahan biasiswa dan pinjaman bagi melanjutkan pelajaran di kolej-kolej serta universiti-universiti tempatan ataupun di luar negara<sup>17</sup>

Bilangan pelajar yang menerima biasiswa dan pinjaman MARA pada tahun 1972 mengikut tempat belajar ialah 41 orang di Amerika Syarikat, 58 orang di Australia, 2 orang di Kanada, 1 orang di Filipina, 8 orang di India, 23 orang di Indonesia, 1 orang di Jepun, 10 orang di New Zealand, 5 orang di Pakistan, 15 orang di Republik Arab Bersatu, 1 orang di Singapura, 5 orang di Sri Langka, 221 orang di United Kingdom dan 1184 yang belajar di universiti tempatan. Pada tahun 1972, seramai 391 orang penuntut MARA telah tamat kursus masing-masing dengan jayanya. Pecahan bilangan mereka yang lulus mengikut bidang-bidang pengajian ialah 8 pelajar telah lulus dalam bidang perakaunan, 40 pelajar dalam bidang kejuruteraan, 82 pelajar dalam bidang pengurusan, pentadbiran dan undang-undang, 5 pelajar dalam bidang sains & gunaan, 62 pelajar dalam bidang sains dan sains pertanian, 7 pelajar dalam bidang sains perubatan, 140 pelajar dalam bidang sastera dan kemanusiaan, 24 pelajar dalam bidang senibina dan 23 pelajar dalam lain-lain bidang seperti penerbangan dan pentadbiran.

<sup>16</sup> *Penyata Tahunan MARA 1971*, hlm. 8.

<sup>17</sup> *Penyata Tahunan MARA 1971*, hlm. 11.

Kejayaan cemerlang MARA ialah apabila anak-anak Bumiputera telah membuktikan bahawa bidang yang susah untuk diterokai sebenarnya mudah dicapai apabila ada usaha dan bantuan yang berpatutan. Ini dapat dibuktikan apabila 19 orang anak Bumiputera telah lulus dalam kursus pemandu kapal terbang iaitu 17 orang telah dilatih oleh *Philippines Air Lines* dan 2 orang dilatih oleh Qantas. Kesemua mereka ini berkhidmat dengan Sistem Penerbangan Malaysia atau *Malaysian Airlines System* (MAS).<sup>18</sup> Dengan kejayaan ini, MARA telah membuktikan bahawa anak-anak Bumiputera boleh meraih kejayaan jika sekiranya diberi peluang dan bantuan samada dalam bentuk sokongan dan material. Kejayaan ini juga menolak bahawa anak-anak Melayu tidak boleh menguasai ilmu yang berkaitan sains dan teknologi yang sebelum ini menjadi igauan anak-anak Bumiputera sebagai ilmu yang sukar untuk dikuasai.

Seperti tahun 1971 dan 1972, pada tahun 1973 Unit Biasiswa dan pinjaman MARA terus melaksanakan aktiviti yang telah dirancangkan. MARA mengeluarkan biasiswa dan pinjaman melebihi sasaran yang dikemukakan dalam Rancangan Malaysia Kedua. Jadual 52 menunjukkan perbandingan di antara unjuran dengan pencapaian sebenar bagi tahun-tahun 1971, 1972 dan 1973.

---

<sup>18</sup> *Penyata Tahunan MARA 1972*, hlm. 11.

### Jadual 52

Perbandingan Di Antara Unjuran Dengan Pencapaian Sebenar  
Pemberian Biasiswa/Pinjaman Pada Tahun 1971,1972 Dan 1973

| Tahun  | Dirancang | Tercapai | Lebih (+) | Peratus (%) |
|--------|-----------|----------|-----------|-------------|
| 1971   | 1,300     | 1,613    | 313       | 24.1        |
| 1972   | 1,350     | 1,578    | 228       | 16.9        |
| 1973   | 1,350     | 1,362    | 12        | 0.9         |
| Jumlah | 4,000     | 4,553    | 553       | 13.8        |

Sumber: Penyata Tahunan MARA 1973, hlm.10

Jadual 52 menunjukkan kejayaan MARA memberi biasiswa kepada anak-anak Bumiputera melebihi daripada sasaran yang dicadangkan. Bilangan pemberian biasiswa dan pinjaman yang dirancang ialah 4,000 orang pelajar, manakala bilangan sebenar pelajar yang diberi kemudahan biasiswa dan pinjaman ialah 4,553 orang. Pencapaian ini merupakan 68.5% daripada unjuran dalam Rancangan Malaysia Kedua iaitu seramai 6,650 pelajar.

Pemberian biasiswa/pinjaman kepada 1,362 pelajar pada tahun 1973 adalah mengikut lapangan kursus-kursus seperti berikut iaitu 10 pelajar dalam bidang Perakaunan, 38 orang pelajar dalam kursus Senilukis/Senibina, 10 orang pelajar dalam kursus Sains Gunaan/Teknologi, 659 orang pelajar dalam kursus Sastera dan Kemanusiaan, 65 orang pelajar dalam kursus Kejuruteraan, 7 orang pelajar dalam kursus Pendidikan, 182 orang pelajar dalam kursus Pengurusan, Pentadbiran dan Undang-Undang, 2 orang pelajar dalam kursus Perkiraan dan Perangkaan, 48 orang pelajar dalam kursus Sains Perubatan, 150 orang pelajar dalam kursus Pra-Universiti, 159 orang pelajar

dalam kursus Sains dan Sains Pertanian dan 32 orang pelajar dalam lain-lain bidang kursus.<sup>19</sup>

Pemberian biasiswa dan pinjaman kepada 1,362 orang pelajar mengikut tempat pengajian pula ialah 71 orang pelajar di Australia, 1 orang pelajar di Austria, 35 orang pelajar di Indonesia, 995 orang pelajar di universiti tempatan (Malaysia), 3 orang pelajar di New Zealand, 7 orang pelajar di Pakistan, 22 orang pelajar di Republik Arab Mesir, 1 orang pelajar di Switzerland, 2 orang pelajar di Thailand, 171 pelajar di United Kingdom dan 51 orang pelajar di Amerika Syarikat.<sup>20</sup>

Pada tahun 1973 juga, seramai 468 orang pelajar telah menamatkan kursus masing-masing dalam berbagai bidang. Bilangan ini bertambah seramai 77 orang atau 19.7% berbanding dengan tahun 1972 di mana bilangan pelajar yang tamat kursus hanya seramai 391 orang. Dari jumlah 468 orang pelajar yang tamat kursus itu, seramai 438 orang atau 93.6% telah mendapat pekerjaan.<sup>21</sup>

Pada tahun 1974, pemberian biasiswa dan pinjaman melebihi sasaran yang dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Kedua. Dalam Rancangan Malaysia Kedua, perancangan pemberian biasiswa pada tahun 1974 ialah seramai 1,650 pelajar, bagaimanapun MARA berjaya memberi biasiswa dan pinjaman kepada 1,784 pelajar. Ini bermakna MARA telah berjaya melepassi sasaran sebanyak 134 pelajar. Sehingga akhir tahun 1974, MARA berjaya memberi biasiswa dan pinjaman kepada 6,337 orang pelajar.

<sup>19</sup> *Penyata Tahunan MARA 1973*, hlm. 10.

<sup>20</sup> *Penyata Tahunan MARA 1973*, hlm. 10.

<sup>21</sup> *Penyata Tahunan MARA 1973*, hlm. 13.

Ini adalah kejayaan besar kepada MARA berbanding dengan Rancangan Malaysia Pertama. Dalam Rancangan Malaysia Pertama, MARA memberi basiswa dan pinjaman kepada 3,086 pelajar sahaja. Pencapaian MARA setakat 1974 ialah dua kali ganda berbanding dengan usahanya dalam Rancangan Malaysia Pertama. Sasaran MARA di akhir Rancangan Malaysia Kedua ialah seramai 6,650 orang pelajar. Ini bermakna, pencapaian MARA sehingga 1974 ialah 96.7% daripada sasaran Rancangan Malaysia Kedua. Pencapaian ini amat membanggakan dan menampakkan kesungguhan MARA dalam membantu masyarakat Bumiputera dalam bidang pendidikan.<sup>22</sup>

Daripada 1,784 pelajar 447 orang ditawarkan basiswa dan seramai 1,337 pula diberi pinjaman. Mengikut tempat pengajian pada tahun 1974 pula, seramai 1,294 orang pelajar diberi basiswa dan pinjaman untuk belajar di dalam negeri dan selebihnya pula menuntut di luar negara. Pada tahun 1974, seramai 719 orang pelajar anjuran MARA telah menamatkan kursus masing-masing dalam berbagai bidang. Bilangan ini bertambah seramai 251 orang berbanding dengan jumlah tahun 1973 iaitu seramai 468 orang pelajar.<sup>23</sup>

Pada tahun 1975 ialah tahun terakhir Rancangan Malaysia Kedua, ini bermakna telah lima tahun Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan. Sehubungan itu MARA telah berusaha untuk mencapai sasarannya. Dalam aspek pemberian basiswa dan pinjaman sasaran MARA ialah memberi bantuan basiswa dan pinjaman kepada 6,700 pelajar Bumiputera. Bagaimanapun MARA telah berjaya mencapai hasratnya, malahan melebihi

---

<sup>22</sup> *Penyata Tahunan MARA 1973*, hlm. 13.

<sup>23</sup> *Penyata Tahunan MARA 1973*, hlm. 13.

sasarannya. Pada tahun 1975, MARA memberi biasiswa dan pinjaman kepada 1,356 orang pelajar berbanding unjurang yang dibuat sebanyak 1,033 orang pelajar. Dalam Rancangan Malaysia Kedua, MARA telah memberi biasiswa dan pinjaman kepada 7,733 orang pelajar. Jumlah ini menunjukkan lebihan sebanyak 1,033 jika dibandingkan dengan bilangan yang diunjurkan sebanyak 6,700 bagi tempoh rancangan tersebut.

Dari jumlah 1,396<sup>24</sup> pelajar yang menerima biasiswa/pinjaman pelajaran MARA pada tahun 1975, bilangan yang paling ramai sekali ialah dalam bidang pra universiti iaitu seramai 351 orang. Ini diikuti oleh bidang Sains dan Sains Pertanian (341), Ilmu Hisab dan Perangka (176), Sastera dan Kemanusiaan (177), Pengurusan, Pentadbiran dan Undang-Undang (147), Kejuruteraan (112) dan bakinya ialah dalam lain-lain bidang pengajian seperti Sains Perubatan, Pendidikan, Sains Gunaan dan Teknologi serta Akauntansi. Pada tahun 1975 juga, seramai 589 pelajar anjuran MARA telah menamatkan pengajian mereka. Dengan ini bilangan pelajar yang menamatkan pengajian mereka sepanjang Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975) berjumlah 2,482.<sup>25</sup>

Sehingga akhir tahun 1976, sebanyak 1,605 biasiswa dan pinjaman pelajaran telah dikeluarkan. Daripada jumlah ini, 1,033 ialah untuk pengajian dalam negeri dan 572 untuk pengajian luar negeri. Pada tahun 1978 juga seramai 504 penuntut di pusat pengajian tinggi tempatan dan 155 di luar negeri telah menamatkan pengajian mereka. Jadual 53 menunjukkan jumlah biasiswa dan pinjaman pelajaran yang dikeluarkan pada tahun 1976.

<sup>24</sup> *Penyata Tahunan MARA 1975*, hlm. 10.

<sup>25</sup> *Ibid.*

**Jadual 53**  
Pemberian Biasiswa Dan Pinjaman MARA 1976

|     | Kursus                                 | Dalam Negeri |          | Luar Negeri |          | Jumlah |
|-----|----------------------------------------|--------------|----------|-------------|----------|--------|
|     |                                        | Biasiswa     | Pinjaman | Biasiswa    | Pinjaman |        |
| 1.  | Perakaunan                             | -            | -        | 9           | 22       | 31     |
| 2.  | Seni Lukis Binaan/Seni Bina            | 29           | 44       | 7           | 14       | 94     |
| 3.  | Sains Gunaan dan Teknologi             | 4            | 7        | 11(3)       | 3        | 25     |
| 4.  | Sastera/Kemanusiaan                    | -            | 344      | 1           | 2        | 347    |
| 5.  | Kejuruteraan                           | 5            | 78       | 30(1)       | 25       | 138    |
| 6.  | Pendidikan                             | 3            | 68       | -           | 1        | 72     |
| 7.  | Pengurusan Pentadbiran dan Pentadbiran | -            | 147      | 33(26)      | 57       | 237    |
| 8.  | Ilmu Hisab/Perangkaan                  | -            | -        | 36(1)       | 12       | 48     |
| 9.  | Sains Perubatan                        | 33           | 13       | 6           | 3        | 55     |
| 10. | Pra Universiti                         | -            | -        | 203         | 2        | 205    |
| 11. | Sains/Sains Pertanian                  | 50           | 208      | 81(10)      | 13       | 352    |
| 12. | Dan Lain-lain                          | -            | -        | 1           | 1        | 2      |
|     | Jumlah                                 | 124          | 909      | 417(41)     | 155      | 1,605  |

(41) – Sejumlah 41 orang pelajar ditawarkan separuh biasiswa dan separuh pinjaman.

Sumber: Penyata Tahunan MARA 1976, hlm. 11.

Berdasarkan jadual 53, antara kursus yang paling banyak diberi biasiswa ialah kursus Sains dan Sains Pertanian iaitu sebanyak 50 pelajar untuk pelajar dalam negeri dan 81 pelajar untuk pelajar di luar negara. Di samping itu, 10 orang pelajar diberi separuh biasiswa dan separuh pinjaman untuk kursus tersebut. Seramai 208 pelajar dalam negeri diberi pinjaman dan seramai 13 pelajar di luar negara diberi pinjaman untuk kursus Sains dan Sains Pertanian. Jumlah keseluruhan biasiswa dan pinjaman untuk kursus Sains dan Sains Pertanian ialah seamai 352 pelajar. Berdasarkan jadual 53 di atas juga, kursus yang paling banyak MARA memberi pinjaman pelajaran ialah kursus Sastera dan Kemanusiaan iaitu seramai 344 pelajar untuk pelajar dalam negeri dan

seramai 2 orang pelajar untuk pelajar di luar negara. Hanya seorang pelajar sahaja yang diberi biasiswa dalam kursus Sastera dan Kemanusiaan. Berdasarkan perangkaan dalam jadual 53, jelaslah menunjukkan bahawa Malaysia masih bergantung kepada sektor pertanian sebagai sumber pendapatan utama. Selain itu masih ramai lagi anak Melayu yang lulus dalam bidang sastera pula diberi bantuan walaupun dalam bentuk pinjaman.

Walaupun Malaysia lebih bergantung kepada sektor pertanian sebagai punca pendapatan negara yang utama. MARA tidak mengabaikan sektor lain dalam usaha meninggikan taraf hidup anak-anak Bumiputera. Justeru itu MARA mengutamakan juga kursus-kursus lain untuk diberi biasiswa dan pinjaman. Misalnya pada tahun 1976 seramai 237 pelajar diberi biasiswa dan pinjaman untuk kursus Pengurusan, Pentadbiran dan Undang-Undang, seramai 205 pelajar diberi biasiswa dan pinjaman untuk Pengajian Pra-Universiti dan seramai 138 diberi biasiswa dan pinjaman untuk kursus Kejuruteraan (jadual 53). Menerusi perkhidmatan kerjaya pula, seramai 2,195 orang telah menerima bimbingan perseorangan dan seramai 3,182 orang telah mengikuti ceramah-ceramah kerjaya sepanjang tahun 1976.

Pada tahun 1978, jumlah penuntut yang mendapat biasiswa dan pinjaman untuk melanjutkan pelajaran ialah seramai 512 orang untuk belajar di luar negara dan 386 pelajar menuntut di univeriti-universiti tempatan. Ini bermakna sejumlah 898 pelajar telah menerima kemudahan biasiswa dan pinjaman daripada MARA. Daripada jumlah itu, 352 orang menerima biasiswa, 407 orang mendapat pinjaman, 82 orang diberi separuh biasiswa dan separuh pinjaman serta 57 orang mendapat separuh pinjaman. Bilangan

pelajar anjuran MARA yang masih menuntut di universiti-universiti tempatan dan luar negara sehingga akhir tahun 1978 ialah seramai 3,278 orang. Daripada jumlah ini, 2,196 orang menuntut di luar negara dan 1,082 orang berada di universiti-universiti tempatan. Taburan penuntut anjuran MARA di dalam dan di luar negeri boleh dilihat dalam jadual 54.

**Jadual 54**

**Taburan Penuntut Anjuran MARA Di Dalam Dan  
Luar Negeri Sehingga Akhir 1978**

| Bil. | Luar Negeri                 |       | Dalam Negeri                   |       |
|------|-----------------------------|-------|--------------------------------|-------|
| 1.   | United Kingdom & Eire       | 1,082 | Universiti Malaya              | 369   |
| 2.   | Amerika Syarikat            | 805   | Universiti Kebangsaan Malaysia | 316   |
| 3.   | Australia                   | 191   | Universiti Pertanian Malaysia  | 138   |
| 4.   | Republik Arab Bersatu       | 40    | Universiti Sains Malaysia      | 125   |
| 5.   | Indonesia                   | 35    | Universiti Teknologi Malaysia  | 100   |
| 6.   | Pakistan                    | 12    | Institut Teknologi Malaysia    | 34    |
| 7.   | Bangladesh                  | 10    |                                |       |
| 8.   | India                       | 9     |                                |       |
| 9.   | Filipina                    | 7     |                                |       |
| 10.  | Austria                     | 2     |                                |       |
| 11.  | Kanada                      | 1     |                                |       |
| 12.  | New Zealand                 | 1     |                                |       |
| 13.  | Republik Persekutuan Jerman | 1     |                                |       |
|      | Jumlah                      | 2,196 |                                | 1,082 |

Sumber: Penyata Tahunan MARA 1978, hlm. 11.

Berdasarkan jadual 54, jumlah pelajar yang paling banyak dihantar oleh MARA belajar di luar negara ialah di United Kingdom & Eire iaitu 1,982 pelajar. Kemudiannya diikuti oleh Amerika Syarikat iaitu berjumlah 805 orang pelajar dan Australia seramai 191 orang pelajar. Manakala Universiti Malaya (369 pelajar) dan Universiti Kebangsaan

Malaysia (316 pelajar) pula antara universiti tempatan yang paling ramai pelajar yang ditaja oleh MARA.

Sepanjang tahun 1978, seramai 1,001 pelajar anjuran MARA di dalam dan di luar seperti dijangka menamatkan pengajian mereka. Ini bermakna jumlah keseluruhan pelajar tajaan MARA yang tamat sejak tahun 1966 hingga ke tahun 1978 ialah seramai 7,538 orang pelajar. Bilangan pelajar yang tamat pengajian mereka bagi tahun 1978 dapat dilihat dalam jadual 55.

**Jadual 55  
Bilangan Pelajar Yang Tamat Pengajian Bagi Tahun 1978**

| Kursus                                             | Dalam Negeri |          | Luar Negeri |          | Jumlah |
|----------------------------------------------------|--------------|----------|-------------|----------|--------|
|                                                    | Biasiswa     | Pinjaman | Biasiswa    | Pinjaman |        |
| Perakaunan                                         | -            | -        | 11          | 3        | 14     |
| Senilukis Binaan dan Senibina                      | -            | 2        | 5           | 10       | 17     |
| Sastera/Kemanusiaan                                | -            | 306      | 2           | 1        | 307    |
| Kejuruteraan                                       | 4            | 3        | 89          | 7        | 103    |
| Pendidikan                                         | -            | 14       | 2           | -        | 16     |
| Pentadbiran, Pengurusan, Undang-Undang dan Ekonomi | -            | 133      | 21          | 51       | 205    |
| Ilmu Hisab dan Perangkaan                          | -            | -        | 30          | 2        | 32     |
| Sains Perubatan                                    | 3            | 2        | 14          | 1        | 20     |
| Pra Universiti                                     | -            | -        | 63          | -        | 63     |
| Sains dan Sains Pertanian                          | 13           | 93       | 74          | 10       | 190    |
| Juruterbang                                        | -            | -        | 32          | -        | 32     |
| Jumlah                                             | 20           | 553      | 343         | 85       | 1,001  |

Sumber: Penyata Tahunan MARA 1978, hlm. 12.

Berasaskan jadual 55, daripada 1,001 orang pelajar yang dijangka tamat dalam pengajian mereka. 14 orang mengikuti kursus Perakaunan, 17 pelajar yang mengikuti kursus Seni Lukis dan Seni Bina, 307 Sastera dan Kemanusiaan, 103 Kejuruteraan, 205

Pentadbiran, Pengurusan, Undang-Undang dan Ekonomi, 32 Ilmu Hisab dan Perangkaan, 20 Sains Perubatan, 63 Pra Universiti, 140 Sains dan Sains Pertanian dan 32 Juruterbang.

Cawangan kerjaya juga meneruskan peranan dan sumbangan dalam membantu memberi khidmat nasihat kepada masyarakat Bumiputera. Sepanjang tahun 1978, sebanyak 27 ceramah kerjaya diadakan dan dihadiri oleh lebih 3,200 peserta. Dalam pengedaran risalah pula, sebanyak lebih daripada 58,000 risalah kerjaya telah diedarkan. Melalui projek kemasyarakatan, sebanyak 16 bengkel, dialog dan seminar kerjaya dihadiri oleh hampir 1000 peserta dianjurkan pada tahun 1978. Lain-lain kegiatan yang dianjurkan tahun ini, termasuklah mengadakan 92 ceramah kerjaya melalui radio, 52 siri penerangan kerjaya melalui akhbar Utusan Malaysia dan memberi bimbingan kerjaya secara perseorangan dan surat menyurat kepada lebih 2,500 pelajar. Pada tahun 1979, MARA terus berperanan menambah bilangan gunatenaga Bumiputera yang terlatih dalam berbagai bidang dan peringkat. Pencapaian MARA pada tahun 1979 adalah seperti jadual 56.

Jadual 56  
Pencapaian MARA Pada Tahun 1979 Dalam Aspek Pendidikan

|                                             | Bil. Penuntut Baru | Peratus Penambahan | Jumlah Penuntut Akhir Tahun |       | Peratus Penambahan |
|---------------------------------------------|--------------------|--------------------|-----------------------------|-------|--------------------|
|                                             |                    |                    | 1979                        | 1978  |                    |
| Pengeluaran Biasiswa dan Pinjaman Pelajaran | 1,925              | 1,040              | 85.1%                       | 4,394 | 3,278              |
| Maktab Rendah Sains MARA                    | 890                | 675                | 31.9%                       | 2,763 | 2,242              |
| Institut Kemahiran MARA                     | 2,352              | 1,354              | 73.71                       | 4,952 | 2,923              |

Sumber: Penyata Tahunan MARA 1979, hlm. 3.

Berdasarkan jadual 56, pada tahun 1979, seramai 1,925 orang pelajar telah diberi beraswa dan pinjaman pelajaran. Jumlah ini menunjukkan penambahan sebanyak 85.1% berbanding dengan tahun 1978 yang hanya seramai 1,040 orang pelajar sahaja yang diberikan beraswa dan pinjaman pelajaran. Jumlah penuntut MARA pada tahun 1979 ialah seramai 4,394 pelajar berbanding dengan tahun 1978, yang hanya 3,278 orang sahaja iaitu penambahan sebanyak 34.1%.

Daripada 1,925 orang pelajar yang diberi beraswa dan pinjaman pelajaran pada tahun 1979, seramai 1273 (66.1%) pelajar belajar di luar negeri dan 652 pelajar (33.9%) adalah pelajar yang belajar di luar negara. Daripada 1,925 orang pelajar tersebut, seramai 936 (48.6%) pelajar diberi beraswa dan 881 (45.8%) pelajar diberi pinjaman. Bakinya seramai 105 (5.6%) pelajar pula diberi beraswa pinjaman.

Pada tahun 1980, MARA telah meneruskan lagi usahanya memberi pendidikan yang terbaik kepada masyarakat Bumiputera. Pengeluaran beraswa dan pinjaman pelajaran pada tahun 1980 berjumlah 1,614 iaitu seramai 1,024 pelajar (63.4%) ialah untuk pelajar luar negeri dan seramai 590 pelajar (36.6%) ialah untuk pelajar dalam negeri. Mengikut pembahagian pula, daripada 1,614 tajaan yang dikeluarkan, seramai 861 pelajar (53.3%) diberi pinjaman pelajaran dan bakinya 753 pelajar (46.7%) telah diberi kemudahan beraswa. Bilangan pelajar anjuran MARA yang masih menuntut di Institut-institut pengajian tinggi dalam luar negeri pada akhir tahun 1980 ialah seramai 5,178 orang dan taburannya adalah seperti dalam jadual 57.

**Jadual 57**  
Taburan Penuntut Anjuran MARA 1980

| Dalam Negeri                                     | Jumlah | Peratus | Luar Negeri           | Jumlah | Peratus |
|--------------------------------------------------|--------|---------|-----------------------|--------|---------|
| Universiti Kebangsaan Malaysia                   | 472    | 9.1%    | Amerika Syarikat      | 1,957  | 37.8%   |
| Universiti Malaya                                | 472    | 9.1%    | United Kingdom & Eire | 1,329  | 25.7%   |
| Universiti Pertanian Malaysia                    | 156    | 13.0%   | Australia             | 232    | 4.5%    |
| Universiti Sains Malaysia                        | 147    | 2.8%    | Lain-lain             | 169    | 3.3%    |
| Institut Teknologi MARA/Kolej Tunku Abdul Rahman | 94     | 1.8%    | -                     | -      | -       |
| Jumlah                                           | 1,491  | 28.8%   | Jumlah                | 3,687  | 71.2%   |

Sumber: Penyata Tahunan 1980, hlm. 7.

Pada tahun 1979 seramai 312 pelajar tajaan MARA telah menamatkan pengajian mereka dan jumlah ini meningkat kepada 423 pada tahun 1980. Jadual 58 menunjukkan penuntut anjuran MARA yang tamat pada tahun 1979 dan 1980.

**Jadual 58**  
Penuntut Anjuran MARA Tamat 1980

| Kursus                                             | Jumlah |      |
|----------------------------------------------------|--------|------|
|                                                    | 1979   | 1980 |
| Kejuruteraan                                       | 97     | 154  |
| Sains Dan Sains Pertanian                          | 62     | 100  |
| Pentadbiran, Pengurusan, Undang-undang dan Ekonomi | 38     | 55   |
| Sains Perubatan                                    | 26     | 33   |
| Hisab dan Perangkaan                               | 25     | 25   |
| Pendidikan                                         | 20     | 16   |
| Sastera dan Kemanusiaan                            | 20     | 11   |
| Sains dan Teknologi                                | 2      | 10   |
| Perakaunan                                         | 7      | 9    |
| Seni Lukis, Binaan dan Senibina                    | 15     | 9    |
| Lain-lain                                          | -      | 1    |
| Jumlah                                             | 312    | 423  |

Sumber: Penyata Tahunan MARA 1980, hlm. 8.

Berdasarkan jadual 58, pelajar anjuran MARA yang tamat dalam bidang Kejuruteraan pada tahun 1979 ialah 97 orang dan pada tahun 1980 ialah 154 orang. Bidang Sains dan Sains Pertanian 62 orang pada tahun 1979 dan 100 orang pada tahun 1980. Bidang Pentadbiran, Pengurusan, Undang-Undang dan Ekonomi 39 orang pada tahun 1979 dan 55 orang pada tahun 1980; Sains Perubatan 26 orang pada tahun 1979 dan 33 orang pada tahun 1980; Ilmu Hisab dan Perangkaan 25 orang pada tahun 1979 dan 25 orang pada tahun 1980; Pendidikan 20 orang pada tahun 1979 dan 16 orang pada tahun 1980; Sastera dan Kemanusiaan 20 orang pada tahun 1979 dan 11 orang pada tahun 1980; Sains dan Teknologi 2 orang pada tahun 1979 dan 10 orang pada tahun 1980; Perakaunan 7 orang pada tahun 1979 dan 9 orang pada tahun 1980; Seni Lukis, Binaan dan Senibina 15 orang pada tahun 1979 dan 9 orang pada tahun 1980.

Kutipan bayaran balik pinjaman pelajaran dan sumbangan 25% biasiswa daripada pelajar yang telah menamatkan pengajian pada tahun 1980 ialah berjumlah RM2,193,749.00. Jumlah ini merupakan tambahan sebanyak RM214,383 dari pungutan tahun 1979 yang berjumlah RM1,979,366.00.

Pada tahun 1981 sebanyak RM61,89,124.00 telah dibelanjakan untuk membiayai 31,145 pelajar di bawah program biasiswa dan sebanyak RM26,359,876.00 telah dibelanjakan untuk membiayai seramai 2,432 pelajar di bawah kemudahan pinjaman pendidikan. Pada tahun 1981 juga, seramai 5,577 pelajar telah menerima kemudahan biasiswa dan pinjaman MARA. Daripada 5,577 pelajar tajaan MARA tersebut, seramai

3,145 ditawarkan biasiswa dan 2,432 pula dalam bentuk pinjaman. Di samping itu, daripada 5,577 pelajar tersebut seramai 1,296 orang adalah pelajar baru iaitu 885 (68.3%) pelajar melanjutkan pelajaran ke luar negara dan seramai 411 (31.7%) orang adalah pelajar dalam negeri. Di sepanjang tahun 1981, seramai 417 pelajar tajaan MARA telah tamat pengajian dalam berbagai bidang.

Pada tahun 1981 juga, MARA telah berusaha mengutip bayaran balik pinjaman pelajaran dan sumbangan 25% daripada bekas pelajarnya. Sehubungan dengan itu, MARA berjaya memungut hasil kutipan sebanyak RM2,467,126. Jumlah ini merupakan tambahan sebanyak RM273,376 dari kutipan tahun 1980 yang berjumlah RM2,193,750.00.

Pada tahun 1981, seramai 5,577 orang pelajar telah dibiayai oleh MARA untuk melanjutkan pelajaran di dalam dan di luar negara. Taburan pelajar tajaan MARA dapat dilihat dalam jadual 59.

**Jadual 59**  
**Taburan Pelajar Anjuran MARA pada Tahun 1981**

| Tempat                         | Bilangan | Peratusan |
|--------------------------------|----------|-----------|
| Amerika Syarikat               | 2,305    | 41.4%     |
| United Kingdom                 | 1,331    | 23.9%     |
| Australia                      | 285      | 5.1%      |
| Universiti Kebangsaan Malaysia | 549      | 9.9%      |
| Universiti Malaya              | 387      | 6.9%      |
| ITM/KTR                        | 190      | 2.4%      |
| Universiti Pertanian Malaysia  | 168      | 3.0%      |
| Universiti Sains Malaysia      | 113      | 2.0%      |
| Universiti Teknologi Malaysia  | 113      | 2.0%      |
| Lain-lain (Luar Negara)        | 136      | 2.4%      |
| Jumlah                         | 5,577    | 100%      |

Sumber: Penyata Tahunan MARA 1981, hlm. 8.

Berdasarkan jadual 59, seramai 4,057 orang atau 72.7% pelajar tajaan MARA telah belajar di luar negara. Daripada jumlah itu, seramai 2,305 orang atau 41.4% belajar di Amerika Syarikat. Ini menunjukkan bahawa pada awal Rancangan Malaysia Keempat. Malaysia masih lagi bergantung dengan negara luar dalam bidang pendidikan, terutama pendidikan sains dan teknologi. Manakala pelajar yang belajar di dalam negeri hanyalah berjumlah 1,520 orang pelajar atau 27.3%. Bagaimanapun, sedikit demi sedikit MARA mengurangkan penghantaran pelajar ke luar negara apabila universiti-universiti tempatan mampu melahirkan teknorat yang setanding dengan universiti luar negara.

Pada tahun 1982, program penganjuran pendidikan diteruskan lagi bagi melahirkan bilangan gunatenaga Bumiputera yang terlatih dalam berbagai bidang dan peringkat. Pada tahun ini seramai 1,779 penuntut baru telah dianjurkan oleh MARA untuk melanjutkan pengajian di dalam dan di luar negeri. Dengan jumlah itu, MARA berjaya menganjurkan 483 penuntut melebihi daripada tajaannya pada tahun 1981 iaitu seramai 1,296 pelajar. Jadual 60 menunjukkan kedudukan pelajar MARA pada tahun 1982.

**Jadual 60**  
**Kedudukan Pelajar Anjuran MARA**  
**Mengikut Jenis Kursus Setakat 31.12.1982**

| <b>Jenis Kursus</b>                       | <b>Pelajar Sedia Ada</b> | <b>Biasiswa/Pinjaman</b> | <b>Tamat</b> |
|-------------------------------------------|--------------------------|--------------------------|--------------|
| Sains & Teknologi                         | -                        | 58                       | 14           |
| Pendidikan                                | 186                      | 110                      | 5            |
| Sains Perubatan                           | 262                      | 21                       | 14           |
| Perakaunan                                | 284                      | 38                       | 17           |
| Senilukis Binaan                          | 376                      | 115                      | 26           |
| Pra Universiti                            | 415                      | 147                      | -            |
| Sastera/Kemanusiaan                       | 486                      | 129                      | 32           |
| Ilmu Hisab/Perangkaan                     | 632                      | 119                      | 32           |
| Sains/Sains Panduan                       | 764                      | 91                       | 60           |
| Kejuruteraan                              | 1,261                    | 384                      | 103          |
| Pengurusan, Pentadbiran dan Undang-Undang | 1,784                    | 661                      | 92           |
| Jumlah                                    | 6,513                    | 1,779                    | 416          |

Sumber: Penyata Tahunan MARA 1982, hlm. 6.

Berdasarkan jadual 60, pelajar sedia ada ialah seramai 6,513 orang. Daripada jumlah itu, pelajar tajaan terbesar adalah pelajar dari kursus Pengurusan, Pentadbiran dan Undang-undang. Kemudiannya diikuti oleh pelajar Kejuruteraan iaitu seramai 1,261. Pelajar baru yang diberi biasiswa dan pinjaman seramai 1,779. Bilangan terbesar penerima biasiswa dan pinjaman pada tahun 1982 seramai 661 adalah daripada kursus Pengurus, Pentadbiran dan Undang-undang. Seterusnya diikuti oleh kursus kejuruteraan seramai 384 orang pelajar.

Kedua-dua kursus ini mendapat keutamaan kerana terdapat kekurangan bilangan Bumiputera dalam bidang kejuruteraan dan Undang-Undang. Pada tahun 1982 juga, seramai 416 pelajar telah tamat pengajian dan yang teramai sekali dalam bidang

Kejuruteraan iaitu seramai 103 orang. Kursus Pengurusan, Pentadbiran dan Undang-Undang iaitu seramai 92 orang pelajar.

Di samping program matrikulasi luar negara, MARA meneruskan juga penghantaran pelajarnya keluar negara. Pada tahun 1983, seramai 2,877 orang pelajar diberi biasiswa/pinjaman dan seramai 1,040 pelajar tajaan MARA tamat pengajian mereka samada di luar negara dan juga di dalam negeri.

Tahun 1985 merupakan tahun terakhir untuk Rancangan Malaysia Keempat, oleh itu MARA terus menerus membantu masyarakat Bumiputera dalam meninggikan taraf hidup mereka dan membasmi kemiskinan. Menerusi program penganjuran pelajaran, seramai 2,982 penuntut-penuntut telah dianjurkan untuk melanjurkan pelajaran. Sementara itu pada tahun 1985 juga, seramai 2,308 penuntut telah menamatkan pengajian mereka. Untuk perbandingan dengan tahun-tahun sebelumnya, sila lihat jadual 61 yang berkaitan dengan pemberian dan pelajar tamat untuk tahun 1982, 1983, 1984 dan 1985.

Jadual 61  
Penganjuran MARA  
Pemberian Dan Pelajar Tamat Dari 1981-1985

| Tahun  | Pemberian | Tamat |
|--------|-----------|-------|
| 1981   | 1296      | 417   |
| 1982   | 1779      | 882   |
| 1983   | 2877      | 1040  |
| 1984   | 2612      | 1352  |
| 1985   | 2982      | 2308  |
| Jumlah | 11,846    | 5999  |

Sumber: Penyata Tahunan MARA 1985, hlm. 12.

Berdasarkan jadual 61, sejak Rancangan Malaysia Keempat dari 1981 hingga 1985, seramai 11,846 pelajar telah dianjurkan oleh MARA dalam berbagai bidang. Sementara sejumlah 5,999 orang pelajar telah tamat pengajian mereka semenjak Rancangan Malaysia Keempat dilaksanakan.

Pada tahun 1986 iaitu tahun pertama Rancangan Malaysia Kelima, menerusi program penganjuran MARA, seramai 2,974 pelajar baru telah dianjurkan oleh MARA untuk melanjutkan pelajaran dan seramai 1,048 pelajar tajaan MARA telah tamat pengajian mereka. Pada tahun 1988, Bahagian Penganjuran Pelajaran mengawasi pelajar sedia ada seramai 17,606 orang. Daripada jumlah itu, seramai 11,878 pelajar menuntut di dalam negeri (Malaysia) dan bakinya, seramai 5,728 di luar negara. Mereka yang tamat pelajaran pada tahun 1987 pula ialah seramai 1,783 orang pelajar. Penganjuran baru dalam tahun 1988 ialah seramai 1,751 orang pelajar iaitu 1,409 orang di dalam negeri dan 342 orang di luar negara. Berbanding dengan tahun 1987, bilangan penganjuran berkurangan sedikit sebagaimana digambarkan pada jadual 62.

**Jadual 62**  
**Penganjuran Pelajaran**  
**Bilangan Pemberian Pelajar Baru 1988**

| Tahun | Dalam Negeri | Luar Negeri |
|-------|--------------|-------------|
| 1987  | 1,788        | 462         |
| 1988  | 1,409        | 342         |

Sumber: Penyata Tahunan MARA 1988

Berdasarkan jadual 62, pada tahun 1987 seramai 1,788 pelajar telah dibiayai oleh MARA untuk belajar di dalam negeri. Seramai 462 pelajar pula dihantar untuk belajar ke luar negara. Pada tahun 1988, jumlah pelajar dalam negeri yang dibiayai oleh MARA seramai 1,409 orang, berkurangan 397 orang pelajar berbanding tahun 1987 iaitu seramai 1,788 orang. Manakala pelajar yang belajar di luar negara pula seramai 342 pada tahun 1988, berkurangan sebanyak 120 orang berbanding dengan tahun 1987 iaitu seramai 462.

Bahagian Pengunjuran MARA pula telah menganjur seramai 1930 pelajar baru 1,560 pelajar di dalam negeri dan 370 pelajar dihantar untuk belajar di luar negara pada tahun 1989. Hutang yang dipungut pada tahun 1989 berjumlah RM9,928,052.00.

Pada tahun 1990 pula, MARA telah mengiatkan usahanya dalam pendidikan kerana pada tahun 1990 ialah tahun terakhir DEB dilaksanakan. Justeru itu tahun 1990 ialah tahun untuk mencukupkan sasaran MARA dalam melaksanakan DEB. Pada tahun 1990 juga menyaksikan seramai 5,799 pelajar telah ditaja oleh MARA untuk melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi. Daripada 5,799 pelajar, seramai 5,330 pelajar telah mengikuti pengajiannya di dalam negeri dan seramai 469 pelajar telah melanjutkan pelajaran di luar negara. Hutang yang dipungut pada tahun 1990 ialah sejumlah RM11.0 juta.